

Syarat-syarat Penghantaran Artikel untuk Jurnal Linguistik

Penyumbang artikel perlu mematuhi syarat-syarat yang berikut:

1. Artikel perlu asli, baharu dan tidak pernah diterbitkan atau sedang dalam pertimbangan jurnal lain.
2. Artikel jurnal boleh ditulis dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris. Abstrak yang ditulis dalam bahasa Melayu perlu diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris, dan sebaliknya.
3. Artikel perlu ditulis menggunakan fon Times New Roman 12, manakala semua jadual dan rajah menggunakan fon Times New Roman 10.
4. Artikel hendaklah mempunyai jumlah perkataan, minimum antara 4500-6000 patah perkataan. Had bilangan perkataan ini termasuk tajuk, abstrak, jadual, rajah, dan senarai rujukan.
5. Tidak ada unsur persamaan (plagiat) yang melebihi 30% dalam artikel yang dihantar.
6. Semua petikan dan rujukan perlu dinyatakan dengan jelas sumbernya.
7. Senarai rujukan perlu menggunakan format APA 7th Edition (2020).
8. Merujuk sekurang-kurangnya 2 artikel JL yang lepas.
9. Artikel yang sudah dihantar dan dinilai oleh pihak editor Jurnal Linguistik tidak boleh diterbitkan dalam mana-mana jurnal selain Jurnal Linguistik; kecuali artikel tersebut telah ditolak oleh pihak editor Jurnal Linguistik.
10. Mematuhi format yang ditetapkan oleh pihak editor Jurnal Linguistik.
11. Penyumbang artikel perlu mengisi senarai semak semasa membuat penyerahan artikel.
12. Menghantar artikel melalui laman OJS, <https://plm.org.my/ejurnal/index.php/jurnallinguistik/about/submissions> dan akan melalui proses penilaian sulit berganda (*double blind review*).
13. Maklumat lanjut, sila layari <https://plm.org.my/ejurnal/>
14. Tarikh tutup penghantaran artikel adalah pada 31 Mac bagi keluaran bulan Mei dan 30 Sept untuk keluaran bulan November pada setiap tahun.
15. Yuran Penerbitan
 - a. Penulis dikenakan bayaran **sebanyak RM300.00** sebagai yuran penerbitan.
 - b. Pembayaran adalah secara *Bank Transfer* kepada Bendahari PLM **No Akaun 80-0127990-0 (CIMB)**
 - c. Penulis perlu e-mel bukti pembayaran kepada Ketua Editor Jurnal Linguistik